

Cadangan ganti Tambak Johor

masih di EPU
UM 27 JAN 2002

KOTA TINGGI 26 Jan. — Cadangan membina jambatan menggantikan Tambak Johor masih dalam kajian Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri, kata Timbalan Menteri Kerja Raya, Mohamed Khaled Nordin.

Katanya, sehingga kini kementerianannya belum menerima maklumat terbaru daripada EPU.

“Kita bagaimanapun mengetahui projek itu dicadang dibina oleh syarikat Gerbang Perdana Sdn. Bhd. (Gerbang Perdana) yang telah memberikan taklimat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, di Johor Bahru pada 21 Januari lalu,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas perasmian Bengkel Pemanapan Pentadbiran Majlis Belia Negeri Johor, yang dilakukan oleh Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Noh Omar di sini, malam tadi.